



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebutharga berikut:

TAJUK SEBUTHARGA	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIPEROLEHI	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DAN WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
PHN.NS.SH 4-2022 Perkhidmatan Tanaman Kawasan Hutan Terosot di Kompartmen 2, HS Gemas Selatan seluas ±2.0ha	Dokumen sebutharga boleh dimuat turun di pautan : http://forestry.ns.gov.my mulai 13 April 2022	222104 (Pertanian / Tanaman / Ladang / Taman / Hutan dan Ladang Hutan) Atau 222105 (Rawatan Hutan)	20 April 2022 (Rabu) Tidak lewat pada jam 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebutharga ini dijual dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja)**. Bayaran hendaklah dibuat secara **PERBANKAN INTERNET SAHAJA** seperti yang berikut:
 - No. Akaun : **8004433398 (CIMB BANK)** atas nama **BENDAHARI NEGERI NS -AKAUN TERIMAAN**
 - Penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengisi maklumat **Kod Bayaran** seperti yang berikut:
 - Rujukan 1: No. Sebutharga **PHN.NS.SH 4-2022**
 - Rujukan 2: Nama Syarikat
 - Slip Bayaran hendaklah dikepulkan bersama-sama dokumen sebutharga sewaktu serahan.
3. Taklimat dan Lawatan tapak akan diadakan (mengikut SOP semasa dengan mengamalkan penjarakkan sosial, menggunakan cecair sanitasi tangan dan

memakai pelitup muka) seperti ketetapan di bawah dan hanya syarikat yang menghadiri lawatan tapak sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen Tawaran Sebut Harga.

Tarikh : 13 April 2022 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi
Tempat Taklimat : Pejabat Renj Gemencheh

4. Tujuan lawatan tapak ini adalah untuk membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga dengan menitikberatkan SOP semasa.
5. Pihak syarikat juga digalakkan menggunakan kenderaan 4x4 untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan hanya **seorang penama syarikat** (wakil tidak dibenarkan) sahaja yang dibenarkan untuk membuat lawatan tapak ini. (Sila bawa cop syarikat bersekali)
6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi perlu dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan sebelum atau pada **20 April 2022 pukul 12.00 tengahari**.
7. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen dan spesifikasi sebutharga ini boleh menghubungi pegawai berikut :

Encik Nuazri bin Sedik	06-7659875/9849
Puan Norazlin binti Mustafa	06-7659875/9849

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Bertarikh : 6 April 2022

Tarikh Kenyataan Tawaran Sebutharga
ini dikeluarkan: 6 April 2022